



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 2 Februari 2018

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2018

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

POLISI PENGURUSAN HUTANG UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan polisi pengurusan hutang yang telah pun diluluskan melalui Jawatan Kuasa Tetap Kewangan (JKTK) pada tahun 2016. Selaras dengan kelulusan ini, Jabatan Bendahari telah mewujudkan sebuah Polisi Pengurusan Hutang sebagai panduan bagi memantapkan mekanisma kawalan dalam pengurusan hutang di UKM.

2. Dalam usaha meningkatkan lagi penjanaan pendapatan Universiti, kawalan dalaman pengurusan kewangan harus dipertingkatkan bagi memastikan hasil Universiti dapat dikutip secara efisien dan konsisten. Oleh itu, polisi ini menerangkan langkah demi langkah yang akan dilaksanakan bagi menangani dan mengawal hutang Universiti. Semua pegawai dan kakitangan Universiti boleh merujuk **Lampiran 1 Polisi Pengurusan Hutang**.

3. Sehubungan dengan itu, **Pekeliling Bendahari Bil.5/2016 Pengurusan Invois Di Pusat Tanggungjawab (PTj)** hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Pengurusan Hutang ini bagi memastikan pelaksanaannya mudah difahami dan jelas.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, boleh berhubung terus Bahagian Kutipan Hasil, Jabatan Bendahari di talian 03-89213151/ 4760 atau emel bkhjben@ukm.edu.my.

5. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



KHALIJAH HJ. BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



POLISI PENGURUSAN HUTANG

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menerangkan pendekatan universiti terhadap tatacara pengurusan hutang, mekanisme pemantauan hasil tertunggak dan pendekatan peruntukan hutang ragu.

LATAR BELAKANG


2. Polisi pengurusan hutang adalah satu tatacara kawalan dalaman pengurusan hutang bagi menjamin kelestarian kewangan dapat dicapai sepertimana yang termaktub dalam Bahagian V Peruntukan Kewangan, Perlembagaan Universiti.

TAFSIRAN

3. **Hutang** ditafsirkan sebagai apa-apa bayaran yang kena dibayar oleh pelajar, kakitangan, penghutang luar dan pesakit apabila tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan adalah menjadi hutang yang kena dibayar kepada universiti.

4. **Penghutang** ditafsirkan Individu/ Organisasi yang mempunyai obligasi kewangan terhadap pihak lain berdasarkan manfaat yang diterima oleh Individu/ Organisasi tersebut.

5. **Penghutang Tegar** didefinisikan sebagai Individu/ Organisasi yang mempunyai obligasi kewangan, tetapi tidak menjelaskan obligasi kewangan kepada pihak yang telah memberi manfaat tersebut walaupun telah dituntut dan diberi peringatan.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6. Semua pihak hendaklah memainkan peranan dan memikul tanggungjawab bagi memastikan pengurusan hutang ini dapat diuruskan dengan baik. Pihak yang terlibat adalah;

6.1 Pengurusan Universiti

- 6.1.1. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) dan Pengarah Eksekutif Kewangan bertanggungjawab bagi memastikan polisi pengurusan hutang bersesuaian dengan keperluan mengatur dan mengawal kewangan universiti selaras dengan peruntukan Perlembagaan Universiti.
- 6.1.2. Sebarang perubahan ke atas polisi ini hendaklah diperakukan oleh JKTK dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) sebelum digunakan.
- 6.1.3. JKTK dan Pengarah Eksekutif Kewangan adalah bertanggungjawab untuk memantau secara berterusan status kedudukan hutang dan tindakan yang diambil.
- 6.1.4. Pengarah Eksekutif Kewangan bertanggungjawab memastikan urusan pemantauan hutang adalah konsisten dan efisien serta pemantauan tersebut perlu juga dinilai tahap keberkesannya.
- 6.1.5. Semakan semula polisi ini hendaklah dibuat setiap tahun bagi menilai kesesuaian dan keberkesanan polisi.

6.2 Kakitangan, Pelajar, Pelanggan luar dan Pesakit

- 6.2.1. Mengambil perhatian ke atas caj-caj yang dikenakan oleh pihak Universiti serta membuat pembayaran penuh ke atas caj tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.2.2. Sekiranya terdapat permasalahan dalam pembayaran ke atas caj tersebut, pelajar, kakitangan, pelanggan luar dan pesakit perlu menghubungi terus



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



pejabat Pengarah Eksekutif Kewangan untuk khidmat nasihat dan perundingan.

KAWALAN DAN KAEDAH KUTIPAN HUTANG

7. Universiti perlu mengambil peranan yang proaktif ke atas kutipan hutang bagi memastikan hasil universiti direalisasikan.
8. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) dan bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pemantauan terhadap hutang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh invois dikeluarkan. Setiap PTj dan bahagian yang dipertanggungjawabkan hendaklah memastikan invois yang dikeluarkan berjaya dikutip dengan melaksanakan inisiatif kutipan hutang melalui kaedah penyampaian termasuk surat peringatan, panggilan telefon, peringatan melalui emel, sistem pesanan ringkas dan lain-lain.
9. Kaedah kutipan dalam tempoh pemantauan ialah :
 - 9.1 Menghantar surat peringatan:
 - 9.1.1. Surat peringatan pertama hendaklah dikeluarkan dengan menuntut pembayaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat.
 - 9.1.2. Surat peringatan kedua hendaklah dikeluarkan dengan menuntut pembayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat.
 - 9.1.3. Salinan surat-surat peringatan yang telah dikeluarkan hendaklah diserahkan kepada Unit Kawalan Kredit (untuk jenis hutang yang bersesuaian/ ditentukan).



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- 9.2 Selepas enam (6) bulan jika tiada sebarang pergerakan pembayaran daripada penghutang maka senarai penghutang tersebut termasuk bukti-bukti dan dokumen pemantauan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Unit Kawalan Kredit, Jabatan Bendahari.
- 9.3 Senarai penghutang tegar perlu diserahkan kepada Agensi Kutipan Hutang yang dilantik oleh UKM. Agensi Kutipan Hutang diberi tempoh masa selama satu (1) tahun untuk menyelesaikan kes penghutang tersebut.
- 9.4 Mana-mana kes penghutang yang masih gagal diselesaikan oleh Agensi Kutipan Hutang maka senarai kes tersebut hendaklah diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang untuk tindakan perundangan selanjutnya.

ALTERNATIF KAEDAH KUTIPAN HUTANG

10. Perkhidmatan *Credit Tip Off Services* (CTOS) akan digunakan bagi kes-kes yang sesuai untuk membantu menyenarai hitamkan penghutang universiti yang tegar dan gagal membayar hutang setelah tindakan seperti di para 9.2 dan 9.3.

11. Jabatan Bendahari boleh berkerjasama dengan mana-mana badan Penguatkuasa/ Agensi berkaitan untuk melicinkan proses kutipan hutang (jika perlu).

SEMAKAN SEMULA DASAR

12. Polisi Pengurusan Hutang perlu disemak semula setiap tahun bagi memastikan pengurusan hutang adalah munasabah selaras pencapaian misi dan visi universiti.

13. Polisi Pengurusan Hutang yang telah dikemaskini hendaklah diluluskan di peringkat JKTK seterusnya ke peringkat LPU.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>